

Pengguguran Konsonan Obstruen-Homorganik dalam Bahasa Semai Hulu Selangor

[Obstruent-Homorganic Consonants Deletion in Hulu Selangor Semai Language]

BITARA

Volume 6, Issue 1, 2023: 31-43
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 9 January 2023
Accepted: 20 January 2023
Published: 4 February 2023

Siti Aisah Zailani¹, Adi Yasran Abdul Aziz¹, Suhaila Zailani^{2*}

1 Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Jalan Universiti 1, 43400 Serdang, Selangor, MALAYSIA. E-mail: sitiaisahzailani@gmail.com; adi@upm.edu.my.

2 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: suzail@ukm.edu.my

* Corresponding Author: sitiaisahzailani@gmail.com

Abstrak

Makalah ini membicarakan salah satu bahasa dari kelompok orang Asli Senoi, iaitu bahasa Semai. Bahasa Semai Hulu Selangor dipilih sebagai fokus kajian kerana masyarakat bahasa ini berada terpisah daripada kelompok induknya di Perak dan Pahang. Objektif makalah ini adalah untuk menjelaskan gejala pengguguran konsonan obstruen-homorganik yang berlaku dalam bahasa Semai. Proses perubahan fonologi ini melibatkan penghilangan atau pengguguran konsonan obstruen /b, d, g/ yang mengikuti konsonan nasal /m, n, ŋ/ pada deretan konsonan nasal-obstruen homorganik. Seramai empat orang informan berlainan jantina yang berusia dalam lingkungan 50 tahun dan ke atas telah dipilih dalam kalangan masyarakat orang Asli Semai di Kampung Serigala dan Kampung Changkat Bintang, Hulu Selangor. Data pertuturan informan dirakam dan dianalisis dengan menerapkan Teori Fonologi Generatif untuk menjelaskan gejala pengguguran konsonan obstruen-homorganik. Kajian ini mendapati bahawa gejala nasal homorganik yang berlaku dalam bahasa Semai tidak berlaku sama seperti dalam bahasa atau dialek Melayu. Dapatan mendapati segmen bunyi obstruen letupan bersuara akan digugurkan atau mengalami fenomena penghilangan daripada deretan konsonan nasal-obstruen homorganik dalam perkataan bahasa Melayu yang dituturkan dalam bahasa Semai. Perubahan yang berlaku bukan hanya melibatkan satu perubahan konsonan seperti pengguguran konsonan obstruen bersuara /b, d, g/ yang mengikuti konsonan nasal /m, n, ŋ/, konsonan nasal /n, ŋ/ berubah kepada /t, g/ di akhir kata, konsonan /k/ berubah kepada /ʔ/ di lingkungan akhir kata dan bunyi vokal yang menerima pengaruh dari konsonan nasal. Setiap perubahan ini melibatkan rumus pengguguran obstruen bersuara, rumus nasalisasi vokal, rumus penyahnasalan dan rumus pembentukan glotis bagi menghasilkan bentuk output yang tepat sebagaimana yang diujarkan oleh penutur bahasa Semai.

Kata kunci: orang Asli; bahasa Semai; perubahan fonologi; nasal-obstruen homorganik; rumus.

Abstract

This paper discusses one of the languages of the Senoi Aboriginal group, the Semai language. The Semai language of Hulu Selangor was chosen as the focus of the study because this language community is separated from its parent group in Perak and Pahang. The objective of this paper is to explain the symptoms of obstruent-homorganic consonant dropping that occurs in the Semai language. This process of phonological change involves the loss or dropping of the obstruent consonants /b, d, g/ that follow the nasal consonants /m, n, ŋ/ in the row of homorganic nasal-obstruent consonants. A total of four informants of different genders aged 50 years and above were selected from among the Semai Aboriginal community in Kampung Serigala and Kampung Changkat Bintang, Hulu Selangor.

The informant's speech data was recorded and analyzed by applying Generative Phonology Theory to explain the symptoms of obstruent-homorganic consonant dropping. This study found that the homorganic nasal symptoms that occur in the Semai language do not occur in the same way as in the Malay language or dialect. Findings found that the voiced plosive obstruent sound segment will be dropped or experience the phenomenon of disappearance from the homorganic nasal-obstruent consonant sequence in Malay words spoken in Semai language. The changes that occur do not only involve one consonant change such as the dropping of voiced obstruent consonants /b, d, g/ that follow nasal consonants /m, n, ŋ/, nasal consonants /n, ŋ/ change to /t, g/ at the end of word, consonant /k/ change to /ʔ/ at the end of word as well as on vowel sounds that receive the influence of nasal consonants. Each of these changes involves the formula of dropping voiced obstruents, the formula of vocal nasalization, the formula of nasalization and the formation of the glottis to produce the correct output form as spoken by the speaker.

Keywords: Aboriginal people; Semai language; phonological changes; homorganic nasal-obstruent; formula.


Cite This Article:

Siti Aisah Zailani, Adi Yasran Abdul Aziz & Suhaila Zailani. (2023). Pengguguran Konsonan Obstruen-Homorganik dalam Bahasa Semai Hulu Selangor [Obstruent-Homorganic Consonants Deletion in Hulu Selangor Semai Language]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(1): 31-43.

Pengenalan

Malaysia terdiri daripada kepelbagaian kumpulan etnik seperti Melayu, Cina, India, Kadazan-Dusun, Iban dan turut didiami oleh masyarakat orang Asli. Kelompok masyarakat orang Asli ini dapat hidup secara aman bersama kaum-kaum utama yang lainnya di Semenanjung Malaysia (Mohd Rasdi, 2011; Abu Hassan & Mohd Rasdi, 2012). Masyarakat ini berada di segenap Semenanjung Malaysia, kecuali negeri Perlis dan Pulau Pinang (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2020). Oleh sebab bilangan populasi masyarakat orang Asli yang kecil berbanding populasi kumpulan etnik yang lain, maka kelompok orang Asli berstatus minoriti di negara ini. Masyarakat orang Asli boleh diklasifikasikan kepada tiga kelompok utama suku kaum, iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Bilangan penduduk masyarakat orang Asli dapat dilihat sebagaimana dalam rajah yang berikut:


Rajah 1: Bilangan Penduduk Orang Asli Mengikut Kumpulan Utama



Sumber: Dipetik dan diubah suai dari Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2014

Rajah 1 di atas menunjukkan bilangan masyarakat orang Asli dari suku kaum Negrito merupakan kelompok masyarakat yang paling sedikit bilangan populasinya jika dibandingkan dengan kelompok Senoi dan Melayu Proto. Kelompok ini berada di negeri Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Jumlah keseluruhan masyarakat orang Asli berketurunan Negrito hanya mencatatkan seramai 5009 orang sahaja merupakan kelompok yang paling sedikit. Seterusnya, kelompok Senoi pula menunjukkan bilangan masyarakat yang paling ramai, iaitu 97,856 orang menempatan negeri Perak, Pahang, Kelantan, Selangor dan Terengganu serta sebilangan kecil yang tinggal di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Kelompok Melayu Proto pula dengan bilangan 75,332 orang merupakan kumpulan orang Asli kedua tertinggi banyak dijumpai di Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor (Mohd Sharifudin & Alang Sabak, 2018). Rohani dan Noor Hasnoor (2014) menyatakan setiap kelompok orang Asli ini terbahagi kepada beberapa suku kaum yang menjadikannya sebanyak 18 suku kaum. Pecahan bagi setiap kelompok utama orang Asli dapat dijelaskan sebagaimana dalam rajah 2 yang berikut:

Rajah 2: Suku Kaum Orang Asli Berdasarkan Kelompok Utama



Sumber: Mohd Sharifudin dan Alang Sabak, 2018

Paparan dalam Rajah 2 menunjukkan pecahan suku kaum mengikut kelompok utama orang Asli yang terdiri daripada enam turunan suku kaum bagi setiap kelompok tersebut. Setiap suku kaum etnik orang Asli mempunyai bahasa tersendiri yang digunakan oleh mereka untuk berhubung sesama sendiri dalam lingkungan komuniti orang Asli dan hanya dapat difahami oleh masyarakat bahasa itu sendiri sahaja. Puak atau suku kaum orang Asli yang lain tidak dapat memahami bahasa yang dipertuturkan oleh setiap subkaum orang Asli di Semenanjung Malaysia (Fazal dan Khairul, 2014: 171). Setiap bahasa yang dituturkan oleh masyarakat ini memiliki keistimewaannya yang tersendiri sehinggakan bahasa tersebut menjadi lambang yang mewakili masyarakat sesuatu bahasa tersebut. Perbezaan bahasa dan budaya dalam setiap suku kaum orang Asli telah menyukarkan kehidupan seharian masyarakat minoriti ini dengan masyarakat arus perdana serta kaum-kaum minoriti yang lainnya (Abu Hassan & Mohd Rasdi, 2012).

Suku kaum Semai merupakan turunan daripada kelompok yang paling besar, iaitu Senoi yang kebanyakannya tinggal di daerah Batang Padang, Kinta, Perak Tengah dan Hilir Perak di negeri Perak serta di daerah Kuala Lipis dan Cameron Highlands di negeri Pahang (Mohd Sharifudin Yusop & Alang Sabak, 2018). Bagi Alias (2015), orang Asli yang berketurunan Senoi banyak ditemui di sepanjang kawasan utama di Perak, Pahang dan Kelantan (Semai, Temiar), di Pahang Tengah (Jah Hut, Che Wong), di Persisir Pantai Selangor (Mah Meri) dan di Selatan-Tengah Pahang (Semoq Beri). Suku kaum Semai ini menuturkan bahasanya yang tersendiri, iaitu bahasa Semai.

Berdasarkan maklumat taburan orang Asli di Selangor (JAKOA, 2020), negeri Selangor juga dihuni oleh masyarakat orang Asli dari suku kaum Semai, Temuan dan Mahmeri. Taburan masyarakat orang Asli yang wujud di Selangor mengikut pecahan daerah adalah seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual 1: Taburan Orang Asli Mengikut Pecahan Daerah di Selangor

Suku Kaum	Daerah
Semai	Hulu Selangor
Temuan	Hulu Selangor, Sepang, Hulu Langat, Gombak, Petaling, Kuala Langat dan Klang
Mah Meri	Kuala Langat, klang dan Sepang

Paparan taburan orang Asli dalam jadual 1 di atas menunjukkan suku kaum Semai menempati daerah Hulu Selangor yang menuturkan bahasa Semai sebagai bahasa lisan dalam perbualan mereka seharian di Kampung Serigala dan Kampung Changkat Bintang yang berada terpisah daripada kelompok asalnya. Bahasa yang dipertuturkan oleh kelompok yang berada terpisah dengan kelompok induk pastinya memperlihatkan sedikit kelainan dari segi sebutan dan lenggok bahasa itu sendiri. Percampuran masyarakat orang Asli Semai dengan komuniti yang berada di sekeliling mereka telah mewujudkan aktiviti peminjaman kosa kata bahasa Melayu yang diserap masuk ke dalam bahasa Semai.

Pernyataan Masalah

Kajian terhadap bahasa Semai dengan penulisan dan penelitian yang lebih tuntas perlu dilaksanakan demi menjamin kelestarian bahasa ini. Memang tidak dinafikan bahawa telah wujud kajian bahasa Semai yang dilakukan oleh pengkaji lepas seperti Diffloth (1977), Dentan (2003), Phillips (2007 dan 2013), Abd. Hadi & Karim (2017), dan Mohd Sharifudin & Alang Sabak (2018) yang tertumpu kepada bahasa Semai yang dituturkan oleh masyarakat orang Asli Semai yang berada di kawasan induk, iaitu di Perak dan Pahang. Kajian bahasa Semai sebelum ini lebih menjurus kepada pengumpulan dan pendeskripsian sistem bunyi dan kosa kata dengan membuat perbandingan secara deskriptif dan tidak dijelaskan bagaimana perubahan bentuk kata itu berlaku. Namun, kajian terhadap bahasa Semai yang dituturkan oleh masyarakat orang Asli yang berada di Hulu Selangor masih belum diberi tumpuan.

Dentan (2003) menukilkan bahasa Semai tidak mempunyai hubungan kedekatan dengan bahasa Melayu tetapi memperlihatkan banyak penggunaan kata asal bahasa Melayu dalam leksikal bahasa Semai. Hal ini kerana bahasa Semai dan bahasa Melayu tidak berada dalam rumpun bahasa yang sama, yang mana bahasa Semai berada di bawah rumpun Austroasiatik dan bahasa Melayu di bawah rumpun Austronesia (Asmah, 1993 dan Mohd Sharifudin & Alang Sabak, 2018).

Mohd Sharifudin & Alang Sabak (2018) mengatakan bahawa sebilangan besar masyarakat berketurunan Semai masih dapat bertutur dengan fasih termasuk golongan muda, namun tanda-tanda hakisan sedang berlaku akibat pertembungan dengan bahasa yang lebih dominan terutamanya bahasa Melayu. Pertembungan dengan bahasa Melayu pastinya akan mempengaruhi bahasa Semai kerana bahasa ini hanya digunakan dalam konteks perbualan seharian sahaja. Keadaan ini mengakibatkan berlakunya perubahan dalam bahasa Semai, iaitu mengalami peminjaman dan berasimilasi dengan bahasa Melayu. Hal ini kerana bahasa Semai tidak berkembang seperti bahasa Melayu yang menerima pengaruh bahasa asing. Mohd Sharifudin & Alang Sabak (2018) mengatakan bahasa Semai mengalami kekurangan dalam perbendaharaan kata.

Berdasarkan pengumpulan dan penyenaian perbendaharaan kata bahasa Semai yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lepas seperti dalam Phillips (2007) mendapati bahawa 22% senarai kosa kata dalam dialek Semai Kampar dipinjam daripada perkataan Melayu. Perkataan yang menunjukkan persamaan dengan bahasa Melayu dalam senarai kosa kata memperlihatkan kemiripan dan persamaan dari segi bentuk fonem dan maknanya, namun memperlihatkan ciri perubahan pada satu segmen atau lebih segmen bunyi dalam suatu perkataan. Fenomena ini membuktikan bahasa Semai telah menyerap kata pinjaman daripada bahasa Melayu sehingga memperlihatkan perubahan fonologi dalam sebutan penutur bahasa ini. Dalam usaha menjelaskan perubahan fonologi khususnya fenomena pengguguran konsonan obstruen-homorganik yang wujud dalam bahasa Semai dianalisis dengan menggunakan teori Fonologi Generatif.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan gejala nasal homorganik yang berlaku dalam bahasa Semai. Perubahan fonologi yang dibincangkan melibatkan perkataan dalam bahasa Melayu yang dituturkan dalam bahasa Semai melibatkan deretan konsonan nasal-obstruen yang mengalami perubahan segmen dalam ujaran bahasa Semai. Proses perubahan ini melibatkan pengguguran konsonan letupan /b, d, g/ pada deretan konsonan nasal dan obstruen letupan bersuara.

Metodologi Kajian

Terdapat tiga perkara yang dibincangkan pada bahagian ini, iaitu lokasi kajian, pemilihan informan dan pengumpulan data bagi tujuan menganalisis pengguguran konsonan obstruen-homorganik dalam bahasa Semai.

Lokasi Kajian

Lokasi kajian dilaksanakan di dua buah penempatan orang Asli yang berketurunan Semai yang menetap di Kampung Serigala dan Kampung Changkat Bintang. Kedua-dua buah perkampungan orang Asli ini terletak di daerah Hulu Selangor. Justifikasi pemilihan kedua-dua kampung ini sebagai instrumen kajian kerana lokasi geografinya yang terletak jauh daripada kelompok utama penempatan masyarakat Semai yang kebanyakannya tinggal di daerah Batang Padang, Kinta, Perak Tengah dan Hilir Perak di negeri Perak, serta daerah Kuala Lipis dan Cameron Highlands, di negeri Pahang.

Pemilihan Informan

Kajian ini memanfaatkan seramai empat orang informan yang dipilih dalam kalangan masyarakat orang Asli Semai yang berusia 50 tahun dan ke atas dan tinggal di Kampung Serigala dan Kampung Changkat Bintang, Hulu Selangor. Informan terdiri daripada dua orang informan lelaki dan dua orang informan perempuan bagi setiap kampung tersebut. Pemilihan informan yang berusia kerana penutur suatu bahasa itu telah menguasai bahasa ibunda mereka dan mampu membekalkan maklumat bahasa yang diperlukan oleh pengkaji. Selain itu, informan yang dipilih juga mempunyai tahap kesihatan dan mempunyai organ pertuturan yang baik. Hal ini kerana bagi menjamin ketepatan sebutan yang diperolehi semasa sesi rakaman jelas dan tepat sebagaimana yang dituturkan oleh masyarakat Semai.

Pengumpulan Data

Kajian ini bermula dengan penelitian terhadap bahan dan rujukan yang berkaitan bahasa Semai dalam bentuk buku, prosiding mahupun artikel jurnal sama ada diperolehi menerusi atas talian mahupun bahan-bahan bercetak. Selain itu, kajian lapangan dilakukan di lokasi kajian untuk tujuan menjalankan sesi temu bual. Pengumpulan data berpandukan kepada senarai daftar kata Swadesh sebanyak 207 dengan penambahan 158 kata bertema merangkumi kata panggilan dan sapaan, anggota tubuh badan, peralatan dalam rumah, binatang, tumbuhan, pakaian, perhiasan, bentuk muka bumi, perlakuan, perasaan dan kata ganti mana diri yang sering digunakan oleh masyarakat orang Asli Semai di kawasan kajian. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan perkataan yang menunjukkan gejala pengguguran konsonan obstruen homorganik.

Alat perakam suara digital Sonny Stereo IC ICD-PX440 digunakan bagi merakam suara informan ketika sesi temu bual dijalankan. Bagi kosa kata yang mudah seperti anggota badan yang boleh dirujuk semasa temu bual, pengkaji akan bertanya kepada informan secara terus. Contohnya, ‘pakcik, ini apa?’, sambil menunjukkan anggota tangan yang berkenaan kepada informan tersebut. Pengkaji boleh meminta informan untuk mengulang sebut bagi kata yang kurang jelas sebutannya, namun pengkaji tidak boleh menyebut perkataan tersebut supaya informan tidak terikut dengan sebutan yang dilafazkan oleh pengkaji. Bagi sesetengah item dalam daftar kata memerlukan pengkaji menggunakan perkataan sinonim atau antonim bagi perkataan yang dikehendaki contohnya, ‘pakcik, apa lawan bagi perkataan besar?’. Selain itu,

gambar juga ditunjukkan kepada informan bagi mendapatkan sebutan bagi item seperti peralatan dalam rumah, binatang dan tumbuhan yang dikehendaki dalam bahasa Semai.

Semasa informan melafazkan kata yang dikehendaki, pengkaji akan mendengar dan menuliskan sebutan kata yang dilafazkan oleh informan di dalam buku catatan untuk dijadikan rujukan semasa proses penganalisan data. Setelah kesemua daftar kata selesai dirakamkan, data tersebut akan dipindahkan ke dalam komputer riba untuk proses transkripsi fonetik. Rakaman data suara akan diulang dengar untuk memastikan sebutan yang tepat. Kesemua daftar kata yang telah direpresentasikan dalam bahasa Semai oleh informan kajian perlu di transkripsikan dengan menggunakan simbol tulisan fonetik, iaitu *International Phonetic Alphabet* (IPA). Hasil daripada data daftar kata yang telah dipungut melalui teknik lafaz akan digunakan bagi menentukan ciri linguistik dalam bahasa Semai yang dipertunjukkan oleh masyarakat di kawasan kajian. Data yang telah dikumpulkan dianalisis dengan menerapkan teori fonologi generatif yang diperkenalkan oleh Chomsky dan Halle pada tahun 1968 dalam buku yang bertajuk *The Sound Pattern of English* dengan memanfaatkan model kajian yang dilakukan oleh Zaharani Ahmad (1993).

Pengguguran Konsonan Obstruen-Homorganik

Gejala nasal homorganik merujuk kepada kehadiran deretan dua konsonan yang melibatkan konsonan nasal dan obstruen letupan bersuara atau letupan tidak bersuara merupakan perubahan fonologi yang lazim berlaku dalam mana-mana bahasa atau dialek Melayu. Zulkifley & Pareeda (2015) menjelaskan proses pengguguran konsonan nasal atau konsonan letupan boleh berlaku dalam keadaan sama ada bunyi nasal /m, n dan ŋ/ itu diikuti oleh bunyi letupan homorganik bersuara /b, d, g/, maka bunyi letupan yang digugurkan. Sekiranya bunyi nasal diikuti oleh bunyi letupan homorganik tidak bersuara /p, t, k/, bunyi nasal yang digugurkan seperti dalam dialek Melayu Patani:

<u>Bahasa Melayu Baku</u>	<u>Dialek Melayu Patani</u>	<u>Makna</u>
/bɔndaŋ/	[bɔnɛ]	bendang
/paŋgaŋ/	[paŋɛ]	panggang
/kampuŋ/	[kapon]	kampung
/bantal/	[bata]	bantal

Walau bagaimanapun, gejala pengguguran konsonan obstruen-homorganik atau nasal homorganik yang berlaku dalam bahasa Semai di Hulu Selangor tidak berlaku sama seperti yang berlaku dalam bahasa atau dialek Melayu. Gejala ini turut berlaku dalam salah satu dialek Pahang seperti dalam kajian Mohd Tarmizi (2019). Deretan bunyi nasal-obstruen ini perlulah berada pada daerah artikulasi yang sama dalam suatu kata menyebabkan bunyi tersebut berhomorganik (Mohd Tarmizi, 2020). Kehadiran deretan konsonan nasal-obstruen dalam bahasa Semai akan cenderung untuk melakukan proses penghilangan atau pengguguran konsonan seperti dalam jadual 2.

Jadual 2: Deretan Konsonan Nasal-Obstruen Letupan Bersuara

Bahasa Melayu	Bahasa Semai	Maksud
dindiŋ	[diŋiŋ]	dinding
kambiŋ	[kamiŋ]	kambing
piŋgan	[piŋãt]	pinggan
tanduk	[tanũʔ]	tanduk

Data yang dipaparkan dalam Jadual 1 menunjukkan terdapat lima contoh perkataan yang menunjukkan gejala deretan konsonan nasal-obstruen yang mengalami perubahan segmen dalam ujaran bahasa Semai. Konsonan nasal iaitu /m, n dan ŋ/ yang hadir sebelum konsonan letupan bersuara iaitu /b, d, g/ akan membentuk gugusan nasal-obstruen /-mb, -nd dan -ŋg/. Data memperlihatkan segmen bunyi obstruen letupan bersuara akan digugurkan atau mengalami fenomena penghilangan daripada deretan konsonan nasal-obstruen dalam perkataan tersebut. Contohnya kata /dindiŋ/, /kambiŋ/, /piŋgan/ dan /tanduk/ yang masing-masing berubah menjadi [diŋiŋ], [kamiŋ], [piŋãt] dan [tanũʔ]. Penghilangan obstruen letupan bersuara dalam deretan konsonan nasal-obstruen tersebut boleh dirumuskan sebagaimana yang telah dinukilkan oleh Zaharani (1993):

$$1. K \rightarrow \emptyset / [+nasal] ___ \\ \left(\begin{array}{l} -sonoran \end{array} \right) \propto DA \\ \propto DA$$

Rumus (1) menjelaskan bunyi konsonan letupan bersuara akan mengalami pengguguran, apabila didahului oleh bunyi nasal yang homorganik dalam kata dasar dan mestilah berada pada titik artikulasi yang sama ($\propto DA$). Data dalam bahasa Semai memperlihatkan gejala deretan konsonan nasal-obstruen yang berada bersebelahan ini akan cenderung melenyapkan konsonan letupan bersuara. Penerapan rumus pengguguran obstruen bersuara dan proses fonologi yang terlibat dalam pembentukan output yang bertepatan dengan data yang diujarkan penutur dalam bahasa Semai memerlukan suatu atur rumus yang mendahulukan rumus yang perlu didahulukan pelaksanaannya berbanding rumus yang lain. Derivasi 2 memperlihatkan pelaksanaan rumus pengguguran obstruen bersuara bagi empat data seperti dalam derivasi berikut:

2. Bahasa Semai				
Bentuk Dalaman	/dindiŋ/	/kambiŋ/	/piŋgan/	/tanduk/
Rumus Pengguguran Obstruen Bersuara	diniŋ	kamiŋ	piŋan	tanuk
Bentuk Luaran	[di.niŋ]	[ka.miŋ]	[pi.ŋan]	[ta.nuk]

Derivasi (2) menunjukkan pelaksanaan rumus nasal homorganik bagi input /dindiŋ/, /kambiŋ/, /piŋan/ dan /tanduk/. Pelaksanaan rumus ini telah menyebabkan segmen bunyi obstruen letupan bersuara /b, d, g/ berjaya dilenyapkan daripada deretan konsonan nasal-obstruen dalam keempat-empat input terbabit. Pembentukan output luaran menjadi [diniŋ], [kamiŋ], [piŋan] dan [tanuk] berjaya dihasilkan melalui pelaksanaan rumus homorganik nasal. Walau bagaimanapun, output luaran yang dihasilkan itu bukanlah output sebenar yang selayaknya menjadi bentuk output yang bertepatan dalam bahasa Semai bagi keempat-empat input yang dinyatakan.

Bagi menghasilkan output yang sebenar, iaitu [diniŋ], [kamiŋ], [piŋāt] dan [tanūʔ] memerlukan penambahan pelaksanaan rumus yang lain bagi mengekang output *[diniŋ], *[kamiŋ], *[piŋan] dan *[tanuk] menjadi output luaran. Proses pembentukan bentuk permukaan bagi setiap input yang mengalami perubahan fonologi melibatkan banyak rumus fonologi dan setiap rumus fonologi itu mempunyai aturan yang berbeza-beza dalam bahasa atau dialek yang berlainan. Rumus-rumus yang dilaksanakan dapat menghasilkan output yang berbeza daripada output yang terbentuk hasil daripada satu rumus yang lain. Sebaliknya, jika dua rumus yang diatur itu masih menghasilkan output yang sama, maka bolehlah dianggap kedua-dua rumus yang diatur itu tidak mempunyai hubungan atur rumus. Oleh yang demikian, pelaksanaan rumus nasalisasi vokal bagi membenarkan berlakunya perubahan pada bunyi vokal yang mengikuti bunyi konsonan nasal ini akan menerima bunyi sengauan sebagaimana rumus nasalisasi vokal (Zaharani, 1993):

3. [+silabik] → [+nasal] / [+nasal] [-konsonan]

Berdasarkan rumus (3), segmen bunyi vokal yang berfitur [+silabik] akan berubah menjadi bunyi vokal yang disengaukan apabila berada pada posisi yang mengikuti bunyi konsonan nasal di lingkungan suku kata pertama dalam suatu perkataan. Sebagai contoh, dalam perkataan /dindiŋ/ ‘dinding’ direpresentasikan sebagai [diniŋ] dalam bahasa Semai. Vokal depan tinggi /i/ yang mengikuti konsonan nasal /n/ berubah menjadi vokal yang disengaukan /i/ akibat daripada pengaruh bunyi nasal. Berdasarkan contoh, rumus pengguguran obstruen bersuara harus berlaku terlebih dahulu mendahului rumus nasalisasi vokal. Pelaksanaan rumus pengguguran obstruen bersuara terlebih dahulu dapat menyediakan output yang membenarkan pelaksanaan rumus nasalisasi vokal berlaku dengan mengubah segmen vokal yang mengikuti konsonan nasal untuk menerima pengaruh sengauan. Berikut diperturunkan derivasi berperingkat bagi input /dindiŋ/, /kambiŋ/, /piŋan/ dan /tanduk/ yang memperlihatkan hubungan atur rumus antara rumus pengguguran obstruen bersuara dengan rumus nasalisasi vokal:

4. Bahasa Semai				
Bentuk Dalaman	/dindiŋ/	/kambiŋ/	/piŋan/	/tanduk/
Rumus Pengguguran Obstruen Bersuara	diniŋ	kamiŋ	piŋan	tanuk
Rumus Nasalisasi Vokal	diŋ̃	kaŋ̃	piŋ̃an	taŋ̃uk
Bentuk Luaran	[di.niŋ]	[ka.miŋ]	[pi.ŋ̃an]	[ta.nũk]

Derivasi (4) menunjukkan hubungan atur rumus yang menghasilkan bentuk fonetik yang berbeza dengan ujaran sebenar penutur bahasa Semai. Kedua-dua rumus, iaitu rumus pengguguran obstruen bersuara dan rumus nasalisasi vokal berjaya menyediakan output yang membenarkan pelaksanaan kedua-dua rumus tersebut. Walau bagaimanapun, output yang dihasilkan merupakan bentuk fonetik yang berbeza dengan ujaran sebenar penutur dalam bahasa Semai. Output *[di.niŋ], *[ka.miŋ], *[pi.ŋ̃an] dan *[ta.nũk] yang dihasilkan daripada kedua-dua rumus tersebut masih belum mencerminkan ujaran sebenar. Oleh yang demikian, bagi menghasilkan output ujaran sebenar memerlukan penambahan rumus yang lain untuk mengekang bentuk *[di.niŋ], *[ka.miŋ], *[pi.ŋ̃an] dan *[ta.nũk] daripada menjadi bentuk luaran.

Bagi input /dindiŋ/, /kambiŋ/, /piŋan/ yang direpresentasikan sebagai [diŋ̃], [kaŋ̃], [piŋ̃at] dalam bahasa Semai menyaksikan perubahan pada segmen konsonan di akhir kata. Perubahan yang berlaku adalah pada bunyi nasal alveolar /n/ yang berada di akhir kata akan direalisasikan kepada bunyi plosif alveolar /t/ dalam perkataan /piŋan/ → [piŋ̃at]. Selain itu, bunyi nasal velar /ŋ/ di akhir kata berubah menjadi bunyi plosif velar /g/ dalam perkataan /dindiŋ/ dan /kambiŋ/ direalisasikan sebagai [diŋ̃] dan [kaŋ̃]. Proses fonologi ini dinamakan proses penyahnasalan yang lazim berlaku dalam bahasa Melayu Standard akan berubah menjadi bunyi plosif yang berhomorganik dan perubahan ini melibatkan konsonan yang berada di titik artikulasi yang sama (Nur Fathiha, Rohani & Nor Hasnoor, 2021). Proses penyahnasalan dapat dirumuskan seperti yang berikut:

$$5. \begin{pmatrix} n \\ \eta \end{pmatrix} \rightarrow \begin{pmatrix} t \\ g \end{pmatrix} \text{---} \#$$

Rumus (5) di atas menjelaskan perubahan konsonan nasal alveolar /n/ dan nasal velar /ŋ/ yang mempunyai fitur [+nasal] berubah menjadi konsonan plosif alveolar /t/ dan plosif velar /g/ di lingkungan akhir kata. Rumus pengguguran obstruen bersuara dan rumus nasalisasi vokal perlu berlaku terlebih dahulu mendahului rumus penyahnasalan. Output yang terhasil daripada pelaksanaan dua rumus yang terlibat dapat menyediakan input yang membenarkan pelaksanaan rumus penyahnasalan sebagaimana yang ditunjukkan dalam derivasi berikut:

6. Bahasa Semai				
Bentuk Dalaman	/dindiŋ/	/kambiŋ/	/piŋgan/	/tanduk/
Rumus Pengguguran Obstruen Bersuara	diniŋ	kamiŋ	piŋan	tanuk
Rumus Nasalisasi Vokal	diniŋ	kamiŋ	piŋān	tanūk
Rumus Penyahnasalan	diniŋ	kamiŋ	piŋāt	-
Bentuk Luaran	[di.niŋ]	[ka.miŋ]	[pi.ŋāt]	*[ta.nūk]

Derivasi (6) menunjukkan pelaksanaan rumus pengguguran obstruen bersuara dan rumus nasalisasi vokal mendahului rumus penyahnasalan. Hal ini bagi membenarkan rumus (5) dilaksanakan dengan mengubah segmen bunyi /n, ŋ/ kepada /t, q/ di akhir kata. Oleh yang demikian, rumus penyahnasalan yang direalisasikan dalam derivasi (6) di atas dapat menghasilkan output [di.niŋ], [ka.miŋ] dan [pi.ŋāt] bertepatan dengan data yang diujarkan oleh penutur bahasa Semai. Walau bagaimanapun, pelaksanaan rumus (5) tidak terlaksana bagi input *[ta.nūk] kerana output ini tidak memenuhi syarat rumus tersebut. Justeru, bagi mengekang bentuk *[ta.nūk] /tanduk/ daripada menjadi output sebenar memerlukan penambahan satu rumus yang lain.

Dalam bahasa Semai, kehadiran konsonan plosif velar tak bersuara [k] tidak boleh berada di lingkungan akhir perkataan dan lazimnya akan berubah menjadi konsonan hentian glotis [ʔ]. Proses perubahan segmen ini dinamakan sebagai rumus pembentukan glotis (Sakinah & Sharifah Raihan, 2018). Oleh yang demikian, rumus pembentukan glotis dapat diformulasikan seperti berikut:

7. /k/ → [ʔ] / ___ #

Rumus (7) menjelaskan bahawa proses perubahan segmen bunyi konsonan hentian velar tak bersuara /k/ kepada bunyi hentian glotis [ʔ], apabila berada di posisi akhir kata. Pelaksanaan dua rumus yang terlibat iaitu rumus pengguguran obstruen bersuara, rumus nasalisasi vokal bagi perkataan /tanduk/ sebelum ini telah menyediakan input yang membenarkan kedua-dua rumus ini terlaksana. Namun, bentuk *[ta.nūk] yang terhasil daripada rumus nasalisasi vokal bukanlah mencerminkan bentuk ujaran sebenar bagi perkataan /tanduk/ dalam bahasa Semai. Oleh itu, rumus pembentukan glotis perlu dilaksanakan sebagaimana dalam derivasi yang berikut:

8. Bahasa Semai				
Bentuk Dalaman	/dindiŋ/	/kambiŋ/	/piŋgan/	/tanduk/
Rumus Pengguguran Obstruen Bersuara	diniŋ	kamiŋ	piŋan	tanuk
Rumus Nasalisasi Vokal	diniŋ	kamiŋ	piŋān	tanūk
Rumus Penyahnasalan	diniŋ	kamiŋ	piŋāt	-
Rumus Pembentukan Glotis	-	-	-	[tanūʔ]
Bentuk Luaran	[di.niŋ]	[ka.miŋ]	[pi.ŋāt]	[ta.nūʔ]

Derivasi (8) menjelaskan pelaksanaan rumus pembentukan glotis bagi perkataan /tanduk/ yang dikemudiankan pelaksanaannya dengan mendahulukan rumus-rumus yang lain. Pelaksanaan rumus pengguguran obstruen bersuara dan rumus nasalisasi vokal sebelumnya telah menyediakan input yang membenarkan rumus pembentukan glotis dapat dipenuhi. Setelah dilaksanakan rumus ini, maka segmen /k/ yang berada di lingkungan akhir kata berubah menjadi /ʔ/ yang memenuhi syarat rumus pembentukan glotis sekali gus dapat membentuk bentuk luaran yang tepat sebagaimana yang dituturkan oleh penutur bahasa Semai.

Kesimpulan

Pengkaji menyimpulkan melalui kajian ini, gejala pengguguran konsonan nasal-obstruen homorganik dalam perkataan bahasa Melayu yang dituturkan dalam bahasa Semai bukan hanya melibatkan satu rumus sahaja, tetapi sebenarnya melibatkan juga rumus nasalisasi vokal, rumus penyahnasalan dan rumus pembentukan glotis. Hal ini kerana kewujudan beberapa proses fonologi yang berlaku secara serentak dalam sesuatu perkataan. Perubahan yang berlaku dalam bahasa Semai bukan hanya melibatkan satu perubahan konsonan seperti pengguguran konsonan obstruen bersuara /b, d, g/ yang mengikuti konsonan nasal, konsonan /n, ŋ/ berubah kepada /t, g/ dan konsonan /k/ berubah kepada /ʔ/ di lingkungan akhir kata. Perubahan juga melibatkan perubahan pada bunyi vokal yang menerima pengaruh sengauan akibat daripada pengaruh bunyi konsonan nasal yang mendahului vokal ini. Oleh yang demikian, pengguguran konsonan nasal-obstruen homorganik dalam bahasa Semai melibatkan rumus pengguguran obstruen bersuara, rumus nasalisasi vokal, rumus penyahnasalan dan rumus pembentukan glotis bagi menghasilkan bentuk output yang tepat sebagaimana yang diujarkan oleh penutur.

Kajian ini diharapkan dapat memberi pengetahuan dan penjelasan mengenai perubahan fonologi dalam kata bahasa Melayu yang dituturkan dalam bahasa Semai. Perubahan bunyi yang wujud dalam bahasa Semai ini membuktikan bahasa ini telah berasimilasi dengan bahasa Melayu dan berinovasi dengan membentuk ciri fonologi tertentu yang berbeza dengan bahasa Melayu. Justeru, kajian yang lebih mendalam mengenai bahasa Semai khususnya dalam bidang fonologi perlu dilaksanakan oleh pengkaji di masa hadapan ke arah pendokumentasian bahasa Semai yang berada terasing dari kelompok induk bahasa ini. Hal ini kerana bahasa Semai merupakan sebahagian daripada bahasa peribumi di Malaysia yang belum mempunyai sistem tulisan dan ejaan, dan di sinilah peri pentingnya pengetahuan dalam bidang fonologi diperlukan dalam mengangkat bahasa yang berstatus minoriti.

Rujukan

- Abu Hasan Abdul & Mohd. Rasdi Saamah. 2012. Unsur Haiwan dalam Peribahasa Masyarakat Asli Suku Kaum Semai. *Jurnal Bahasa dan Sastra Melayu*. Jilid 3: 1-19.
- Alias Abd Ghani. 2015. Revitalizing the Indigenous Semai Orang Asli Language in Malaysia. *First Asia Pacific Conference on Advanced Research*. Adelaide: South Australia.
- Asmah Omar. 1993. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dentan, R.K. 2003. *Preliminary field notes on the Semai language*. T. Doyle (Pnyt). Muat turun 30 Disember 2018 dari <https://docplayer.net/66046962>.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Khairul Faiz Alimi. (2014). Analisis deskriptif terhadap struktur frasa kerja bahasa Mendriq. *Jurnal Bahasa*. Jil. 14(2): 169-191.
- JAKOA. 2014. *Bilangan Kampung dan Penduduk Orang Asli Mengikut Negeri*. Jabatan Kemajuan Orang Asli. Muat turun dari <http://www.rurallink.gov.my/>.
- JKKN. 2020. *Masyarakat Orang Asli*. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Muat turun dari <http://www.jkkn.gov.my/ms/masyarakat-orang-asli/>.
- Mohd Rasdi Saamah. 2011. Alam dan budaya dalam bahasa kiasan bahasa Semai. *Seminar Penyelidikan 2011 Zon Timur*. IPG Kampus Sultan Mizan, Besut, Terengganu. 10-12 Mei.
- Mohd Sharifudin Yusop & Alang Sabak. 2018. *Sari Budaya dan Bahasa Suku Semai*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Tarmizi Hasrah. 2019. Penasalan Vokal di Hulu Pahang. *Jurnal Bahasa*, 19(2): 199-230.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2020). Nasal homorganik dalam dialek Melayu Semenanjung. *International Journal Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 9(1): 1-23.
- Nur Fathiha Asyikin Baharin, Rohani Mohd Yusof & Noor Hasnoor Mohamad Nor. (2021). Perubahan fonologi dalam bahasa Duano dan bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu/Journal of Malay Studies (JOMAS)*, 32(2): 112-133.
- Rohani Mohd Yusof & Noor Hasnoor Mohamad Nor. Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Kearifan Tempatan (RCLK). *Bahasa Orang Asli Melayu-Proto: bahasa atau dialek Melayu?* Sarawak. 12-13 Oktober 2014.
- Sakinah Nik Muhamad Naziman & Sharifah Raihan Syed Jaafar. 2018. Adaptasi konsonan dalam kata pinjaman bahasa Inggeris dalam dialek Kelantan. *Jurnal Melayu*, 17(1): 31-48.
- Phillips, Timothy C. (2007). A Brief Phonology of Semai Betau Dialect. In Chong Shin, Karim Harun & Yabit Alias (Ed.), *Reflections in Southeast Asian Seas. Essays in Honour of Perofessor James T. Collins (Book II)*. Puntianak: STAIN Puntianak Press.
- Phillips, T.C. (2013). Linguistic comparison of Semai dialects. *Journal of Language Survey Reports*. SIL Electronic Surver Reports 2013-010.
- Zaharani Ahmad. (1993). *Fonologi Generatif: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifley Hamid & Pareeda Hajeetah. (2015). Melayu di Sempadan: penghilangan konsonan obstruent-homorganik dalam dialek Melayu Patani. *GEOGRAFIA Online™ Malaysian Journal of Society and Space*, 11(3): 28-41.